

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : DALAM NEGERI

## Larangan rokok: Menteri tidak rujuk Parlimen



**KUALA LUMPUR 17 Okt.** - Pelik apabila keputusan menjadikan bangunan Parlimen sebagai kawasan bebas rokok tidak dibincangkan terlebih dahulu dengan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Mohamad Ariff Md. Yusof (gambar).

Namun itulah yang berlaku sehingga menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan ahli Parlimen mengenai keputusan kerajaan itu.

Ada yang berpandangan tindakan Menteri Kesihatan, Datuk

Seri Dr. Dzulkefly Ahmad mengumumkan keputusan kerajaan itu sebagai melangkaui Mohamad Ariff yang bertanggungjawab ke atas Parlimen.

Alasan yang diutarakan ialah sama ada larangan itu mahu dilaksanakan atau tidak, perlu dibentangkan di Dewan Rakyat terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan diambil.

Mohamad Ariff ketika ditemui di Parlimen mengakui bahawa Dzulkefly tidak berbincang dengan beliau terlebih

dahulu berhubung keputusan tersebut.

Beliau memberitahu, ada dalam kalangan ahli Parlimen yang datang bertemu dengannya menzahirkan rasa kurang senang dan ada yang membantah keputusan tersebut.

"Saya telah jumpa penguat kuasa dan meminta mereka memaklumkan kepada ketua penguat kuasa untuk datang berbincang dengan saya bagi menyelesaikan isu ini.

"Saya akan berbincang de-

ngan menteri dan penguat kuasa. Setakat ini, belum jumpa (menteri). Perbincangan akan dilakukan dan keputusan tertakluk kepada perbincangan," kata beliau.

Rentetan itu, difahamkan, Parlimen sedang bercadang mewujudkan satu kawasan khas baharu untuk merokok.

Sebelum ini, Parlimen menyediakan sudut merokok kepada para perokok, termasuklah kawasan khas merokok di tempat makan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NATION/NEWS

## RULING

## Speaker: Minister hasn't seen me about Parliament smoking ban

**DEWAN** Rakyat Speaker Datuk Mohamad Ariff Md Yusof said Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad has not met him to discuss the no-smoking restriction in the Parliament building.

"No, the minister has not come to see me.

"But I have asked the enforcement officer to contact me to resolve the smoking ban," he said at the Parliament lobby yesterday.

He was commenting on the Health Ministry's decision to

gazette the building as a non-smoking zone effective Oct 15.

Members of parliament (MPs) who smoke considered the decision a discrimination against them.

They claimed the implementation did not follow procedure and should be brought up for the speaker and MPs' approval.

On whether he was approached by MPs, who were questioning the ban and had asked for the decision to be reviewed, Ariff said there were some MPs who had met him.

"As speaker, when problems arise, it is my duty to resolve them.

"Some came and objected to the ruling."

"In the matter of the ministry's decision to override the power of the speaker, we will discuss the matter with ministers and enforcement agencies."

It is learnt that Parliament planned to create a new smoking area.

Previously, there were smoking areas near the Dewan Rakyat and at the cafeteria.



Datuk Mohamad Ariff Md Yusof



Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad